

Risiko demam denggi

Ambil langkah berwaspada elak gelombang kedua lebih teruk

Demam denggi penyakit virus yang disebarkan melalui gigitan nyamuk aedes. Ia boleh berlaku pada tahap ringan hingga teruk. Dalam keadaan teruk (*severe dengue*), ia berisiko menyebabkan kematian.

Oleh itu, semua individu

perlu mengetahui sama ada menghidap demam denggi atau tidak dan perhatian lebih serius terutama tinggal di kawasan rawan denggi.

Mengikut laporan sebanyak 48,584 kes demam denggi direkodkan pada Januari hingga 6 Jun lalu, dengan jumlah kematian sebanyak 84 orang.

Walaupun jumlah keseluruhannya terdapat penurunan 11 peratus daripada 54,524 kes, dalam tempoh sama tahun lalu.

Namun sejak enam minggu lalu, kes demam denggi menunjukkan trend peningkatan berterusan dengan purata peningkatan sebanyak lapan

peratus setiap minggu.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjangkakan akan berlaku peningkatan kes demam denggi gelombang kedua tahun ini, bermula awal Jun sehingga September ini berdasarkan trend kes demam denggi selama lima tahun.

Amaran denggi

Mengulas mengenai kes itu, Pakar Perubatan Dalaman Columbia Asia Hospital-Setapak, Dr Sudarwin Tjanaka, berkata terdapat empat serotip virus denggi (DENV) yang berbeza iaitu DENV-1, DENV-2, DENV-3 dan DENV-4.

Katanya, pemulihan daripada jangkitan oleh salah satu serotip dipercayai memberi imuniti sepanjang hayat terhadap serotip itu sahaja.

Jangkitan berikutnya (*secondary infection*) oleh serotip lain meningkatkan risiko terkena demam denggi yang teruk.

Suatu kajian serotip dilakukan di dua hospital tertuari di Malaysia pada 2014 hingga pertengahan 2017. Kajian mendapati serotip denggi yang terbanyak ialah DENV-1.

"Manifestasi klinikal yang tidak teruk lazim pada jangkitan yang disebabkan oleh DENV-1 dan DENV-3.

"Sementara penderita dengan jangkitan DENV-2 menunjukkan tanda amaran yang signifikan dan menghidap denggi yang teruk," katanya.

Penghidap denggi mesti elak digigit Aedes

Beliau berkata, virus denggi menular ke manusia melalui gigitan nyamuk aedes yang dijangkiti.

Nyamuk boleh dijangkiti daripada orang yang menghidap penyakit virus denggi. Penularan virus daripada manusia ke nyamuk boleh berlaku dalam tempoh dua hari sebelum seseorang menunjukkan gejala penyakit sehingga dua hari selepas hilang demam.

Katanya, sebilangan besar darah pesakit mempunyai virus selama kira-kira empat hingga lima hari.

"Nyamuk yang sudah dijangkiti virus denggi ini

mampu menyebarkan virus sepanjang hayatnya.

"Oleh itu, sekiranya anda tahu menghidap denggi, perlu mengelakkan daripada digigit nyamuk, terutama pada minggu pertama penyakit.

"Anda mungkin menyebarkan virus denggi kepada nyamuk baru yang tidak dijangkiti, dan pada gilirannya dapat menjangkiti orang lain," katanya.

Tanda dan gejala

Dr Sudarwin berkata, gejala demam denggi biasanya berlaku antara dua hingga tujuh hari manakala tempoh inkubasi pula adalah empat hingga 10 hari.

Demam denggi disyaki apabila terdapat demam tinggi (biasanya sekitar 40 darjah Celsius), disertai dua atau lebih gejala, iaitu sakit kepala yang teruk, sakit di belakang mata, sakit otot dan sendi, loya, muntah, bengkak kelenjar atau ruam.

"Pesakit dibahagi kepada tiga fasa iaitu fasa demam, fasa kritikal dan fasa pemulihan.

"Fasa kritikal adalah fasa perlu diperhatikan. Fasa ini berlangsung antara tiga hingga tujuh hari selepas penyakit bermula.

"Pada fasa ini, demam menurun di bawah 38 darjah Celsius, tetapi tanda amaran yang berkaitan dengan denggi yang teruk muncul," katanya.



Kurangkan risiko komplikasi

Dari muka 38

Tanda amaran yang perlu diperhatikan ialah sakit perut, kerap muntah, cirit-birit berterusan, sesak nafas, perdarahan, keletihan atau kegelisahan.

Denggi yang teruk berpotensi membawa maut, ini disebabkan oleh kebocoran plasma, pengumpulan cairan, gangguan pernafasan, pendarahan teruk atau gangguan organ.

Dengan meningkatnya kejadian jangkitan denggi, diagnosis penyakit denggi semasa fasa awal harus menjadi keutamaan dan perhatian setiap fasiliti kesihatan.

Saat ini terdapat ujian diagnosis cepat (*rapid test*) yang boleh digunakan untuk diagnosis demam denggi.

Dr Sudarwin berkata, *rapid test* ini hanya memerlukan kira-kira 20 minit untuk menentukan hasilnya.

"NS1 (*NonStructural protein 1*) adalah glikoprotein yang terdapat pada kadar yang tinggi membabitkan pesakit demam denggi semasa fasa klinikal awal, ia boleh dijumpai dari pada hari pertama sehingga hari kesembilan permulaan demam.

Kaedah rawatan

"Oleh itu, ujian NS1 ini (NS1Ag) membolehkan diagnosis demam denggi secara awal, iaitu sejak hari pertama demam," katanya.

Dr Sudarwin berkata, tiada rawatan khusus untuk demam denggi dan apa yang paling penting ialah minum sekurang-kurangnya dua hingga tiga liter air sehari.

Katanya ini perlu bagi merekodkan jumlah urin yang keluar dan kekerapan membuang air besar.

"Anda perlu melihat warna najis, sekiranya ia hitam atau mengandungi darah, ubat pengurang demam boleh diambil untuk mengawal demam, sakit otot dan sendi, khususnya paracetamol.

"Ubat anti-radang *non-steroid* seperti ibuprofen dan aspirin harus dielakkan. Ubat ini boleh menipiskan darah dan bila terjadi perdarahan dapat memburukkan prognosis pesakit denggi.

Kaedah pencegahan


Dr Sudarwin berkata, kaedah utama untuk mengawal penularan virus denggi ialah dengan memerangi vektor nyamuk aedes.

Ini termasuk pembasmian tempat pembiakan nyamuk (air bertakung), perlindungan gigitan dengan menggunakan penghalau nyamuk, memakai pakaian berwarna terang dan lengan panjang dan seluar panjang ketika berada di luar rumah, memasang skrin serangga di pintu dan tingkap, penggunaan kelambu atau penggunaan racun serangga.

"Satu-satunya cara untuk mengesahkan diagnosis

Info

Simptom demam denggi



demam denggi adalah dengan ujian darah. Segera berjumpa doktor sekiranya anda fikir mungkin menghidap demam denggi.

"Diagnosis awal adalah penting untuk mengurangkan risiko komplikasi dan mengelakkan penyebaran virus lebih lanjut," katanya.



Sekiranya anda tahu menghidap denggi, perlu mengelakkan daripada digigit nyamuk, terutama pada minggu pertama penyakit. Anda mungkin menyebarkan virus denggi kepada nyamuk baru yang tidak dijangkiti, dan pada gilirannya dapat menjangkiti orang lain.

Dr Sudarwin Tjanaka,
Pakar Perubatan Dalaman
Columbia Asia Hospital-Setapak

